

CERMAT

Warta

Bil. 69

Tahun 6

September 1999

ISSN 0128-8431

Pengguna terus dilindungi

Pengguna hari ini lebih tinggi tahap pengetahuannya. Mereka lebih terpelajar dan berani bertanya mengenai isu-isu kepenggunaan. Ada juga segelintir pengguna yang membuat tuduhan tanpa mengkaji semua fakta dalam sesuatu kes.

Pihak media massa memainkan peranan penting dalam mendidik pengguna. Ada kalanya aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) mendapat liputan luas menerusi media massa seperti suratkhobar dan televisyen. Pada masa yang lain pula, berita sedemikian kurang mendapat perhatian pihak media.

Namun, apabila pihak media tidak menonjolkan sesuatu isu, ia tidak pula bermakna tiada apa-apa aktiviti yang berlaku. Begitu juga dengan KPDN & HEP yang terus mengambil tindakan untuk menghindari penyelewengan atau penipuan dalam pasaran.

Dari 1 Januari sehingga 4 September tahun ini, Kementerian telah menyelesaikan 141 kes dengan jumlah denda yang dipungut sebanyak RM 183,182.00, manakala nilai kompaun yang dikenakan ialah RM905,988.00. Nilai rampasan yang dibuat ialah RM9,806,332.75.

Bahagian Penguatkuasa KPDN & HEP sentiasa memeriksa premis perniagaan, termasuk kedai-kedai di kawasan-kawasan luar bandar untuk menentukan peniaga-peniaga mematuhi peraturan-peraturan yang terangkum dalam undang-undang. Dalam tempoh antara 1 Januari sehingga 4 September tahun ini sahaja, pemeriksaan telah

dibuat ke atas 323,494 premis perniagaan di kawasan bandar, 76,668 di kawasan luar bandar, 625 di estet-estet, 2,503 di kawasan Felda/Felcra dan 711 di kampung-kampung baru.

Di bawah Operasi Membanteras Cetak Rompak Pasukan Petugas Khas Hakcipta, serbuan telah dilakukan ke atas 7,481 premis yang disyaki menjalankan kegiatan cetak rompak. Antara tempat yang diperiksa, termasuk pasar malam, gerai makan, ruang legar kompleks membeli-belah, kilang membuat "optical disc", kedai komputer dan sebagainya. Pasukan Petugas Khas dianggotai oleh KPDN & HEP, Polis Diraja Malaysia, Finas, Jabatan Kastam & Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Dalam Negeri (Unit Penapisan Filem).

Kerjasama daripada orang ramai juga dapat membantu pihak berkuasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dengan lebih mudah.

Di samping itu, program-program pendidikan pengguna terus diadakan di seluruh negara. Bengkel-bengkel kepenggunaan dianjurkan khusus untuk pelajar-pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi serta guru-guru. Ceramah-ceramah kepenggunaan yang dapat membantu orang ramai menjadi pengguna yang lebih baik juga kerap diadakan KPDN & HEP dengan kerjasama agensi-agensi lain. **WC**



Skim Cepat Kaya

Hari Kebangsaan ke 42 yang telah disambut dengan rasa kesedaran seiring dengan tema "BERSATU KE ALAF BARU" mengajak kita untuk menghargai segala kejayaan yang telah dicapai dan bersedia bagi menghadapi alaf baru. Alaf baru yang menjelang tiba memerlukan kita bersedia dengan segala kekuatan yang ada untuk menghadapi cabaran dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Sejarah mencapai kemerdekaan telah banyak menyedarkan kita bahawa perpaduan dan kerja keras adalah teras utama kejayaan kita selama ini. Teras yang menjadi pegangan kerajaan dan rakyat yang cintakan keamanan telah berjaya membawa negara keluar dari belenggu kegawatan ekonomi yang telah menguji kepimpinan dan rakyat di penghujung dekad ini.

Sambil negara berbangga dengan usaha dan kejayaan rakyat, masih ada lagi segelintir rakyat yang mempercayai ada jalan mudah untuk berjaya dan menjadi kaya dengan cepat.

ramai yang sanggup mengeluarkan wang simpanan, menggadaikan barang kemas dan harta tanpa memikirkan tentang risiko yang bakal menimpa. Cetek pengetahuan tentang pelaburan dan undang-undang berkaitan serta juga terpengaruh dengan janji keuntungan berlipat kali ganda dalam tempoh paling singkat dan gagal mendengar nasihat telah menyebabkan ramai yang terjebak.

Sejarah runtuhnya Skim Pak Man Telo sebelum ini tidak dijadikan pengajaran. Lebih mendukacitakan, golongan yang terlibat melibatkan juga golongan yang berpendapatan rendah dengan jumlah pelaburan yang agak besar.

Edaran maklumat tentang skim berantai ini telah melampaui batas hingga dikhabarkan diedar di masjid dan berselindung di sebalik syarikat jualan langsung.

Sebagai rakyat yang prihatin, tiada jalan mudah untuk berjaya. Mengambil dan menguruskan wang tanpa lesen adalah salah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Tiada jaminan pelabur mendapatkan kembali wang mereka. Pelaburan yang selamat seperti ASN, ASB, ASN2 dan sebagainya adalah jalan paling selamat dan terjamin.

Beljarlah dari sejarah negara dan dapatkan maklumat dari sumber yang sah dan boleh dipercayai. □

Sidang Redaksi

Penasihat

YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Pengarang
Abdul Rauf Sani

Penasihat Pengarang
Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan
Prof. Mohd Hamdan Adnan

Pengarang
Normah Sheikh Abdullah
Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang
P. Jayanthi
Sapian b. Dhabal

Pengedar
FOMCA

Hasilnya, Skim Cepat Kaya telah menjadi pilihan. Tarikan perolehan keuntungan secara cepat dan mudah telah menyebabkan

Sidang Pengarang

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang

Warta CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 32, Menara Dayabumi, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur Tel: 03-22742100 Faks: 03-22747628

Seminar Pemulihan Ekonomi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) telah mengadakan Seminar Pengguna dan Pemulihan Ekonomi Negara pada 14 Ogos lalu di Johor Bahru, Johor.

Seminar dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob.


Turut hadir ialah Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Johor Bahru, Y.B.

Tuan Hj. Baderi Dasuki dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Encik Abdul Rauf Sani.

Seminar disertai oleh 200 peserta yang terdiri dari ahli-ahli perniagaan, wakil-wakil jabatan kerajaan, wakil persatuan pengguna, pelajar institusi pengajian tinggi serta badan-badan sukarela.

Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah "Dasar dan Strategi Pemulihan

E k o n o m i
N e g a r a",
"Langkah-langkah
P e m u l i h a n
E k o n o m i",
"Indeks Harga
Pengguna", "Buku
Penyata Kewangan
Keluarga" dan
"Cetak Rompak"
Pembentang kertas
kerja ialah
pegawai-pegawai
dari KPDN &
HEP, Jabatan
Perangkaan Malay-
sia dan Bank
Negara Malaysia. □



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob (tengah), Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Johor Bahru, Y.B. Tuan Hj. Baderi Dasuki (kiri) dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Encik Abdul Rauf Sani di perasmian Seminar Pemulihan Ekonomi.

Hari Pengguna Sedunia Pahang

Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Pahang 1999 telah diadakan pada 28 Ogos lalu di Daerah Lipis, Pahang.

Majlis dirasmikan Y.A.B. Menteri Besar Pahang yang diwakili oleh Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang, Y.B. Encik Kan Tong Leong. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Encik Khairuddin Hj. Mohd Sari. Beliau mewakili Y.B. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Seramai 300 jemputan yang terdiri

daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil pertubuhan pengguna, badan-badan sukarela serta masyarakat tempatan.

Dalam majlis yang sama, Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Bera diumumkan sebagai Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah terbaik peringkat negeri Pahang.

Puan Jamiah bt Haji Rashid, 51 tahun, pula diberi anugerah Ibu Mithali Negeri Pahang 1999.

Sempena Hari Pengguna Sedunia peringkat Negeri Pahang juga dua kertas kerja mengenai isu-isu kepenggunaan semasa dibentangkan dan Sesi Dialog diadakan. □



Akta Perlindungan Pengguna 1999

Pada keluaran Ogos 1999, Warta Cermat telah menyampaikan secara umum jenis perlindungan yang diperuntukkan untuk pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Pada keluaran ini, huraian yang lebih terperinci mengenai peruntukan-peruntukan Akta tersebut diberikan demi manfaat pembaca.

Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penakrifan perlakuan yang mengelirukan dan memperdayakan, representasi palsu dan amalan tidak saksama.

Fasal 9 memperuntukkan larangan terhadap perlakuan yang mengelirukan atau memperdayakan dalam urusan niaga. Umpamanya pengakuan terhadap ciri-ciri perihal barang dan kesesuaian serta penggunaannya. Sekiranya pengakuan yang diberi didapati tidak benar, maka ia merupakan satu kesalahan.

Fasal 10 melarang seseorang membuat representasi yang palsu, seperti memberi penerangan yang salah terhadap jenis, standard, kualiti, keperluan jaminan dan keadaan barangan sama ada baru atau telah dibaikpulih.

Bagi urusan niaga tanah pula, **Fasal 11** juga melarang representasi yang palsu atau mengelirukan dalam penjualan atau pemberian sesuatu kepentingan mengenai tanah. Walau bagaimanapun, tempat tinggal (*housing accommodation*) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemaju

Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 dikecualikan daripada memakai fasal ini.

Fasal 12 pula menekankan tentang pengeliruan mengenai harga. Antara keadaan-keadaan di mana pengguna boleh dikatakan telah dikelirukan, ialah apabila gambaran sesuatu harga barang mengakibatkan pengguna boleh membuat kesimpulan bahawa harga barang berkenaan adalah kurang daripada harga biasa, tetapi pada hakikatnya, harga itu tidak berubah.



Amalan perniagaan yang sihat, telus dan beretika adalah di antara tujuan Akta Perlindungan Pengguna 1999 diperkenalkan.

Fasal 13 berkaitan dengan pengiklanan umpanan. Ia menjelaskan bahawa peniaga perlu memastikan terdapat stok yang mencukupi bagi barangan yang dijual dengan harga seperti yang diiklankan.

Fasal 14 menetapkan peruntukan berkenaan pemberian hadiah percuma dan tawaran semasa jualan. Seseorang peniaga yang mengiklan atau menawarkan pemberian hadiah atau item-item lain sebagai percuma h e n d a k l a h menawarkannya seperti yang dijanjikan. Fasal ini juga melarang penetapan harga yang tinggi daripada harga biasa, apabila hadiah diberikan dengan setiap pembelian barangan tersebut. Peruntukan ini akan mengawal tatacara

pemberian dan pengiklanan hadiah percuma dengan pembelian barangan, supaya pengguna mendapat faedah yang sebenarnya seperti dijanjikan atau diiklankan.

Fasal 17 pula adalah berhubung dengan kontrak perkhidmatan hadapan. Tujuan diadakan peruntukan ini ialah untuk membolehkan pengguna yang telah mendaftar dan membayar keseluruhan jumlah wang untuk menghadiri kursus atau perkhidmatan seperti kursus kecantikan diri, menguruskan badan, kelas komputer dan lain-lain berhak

mendapat bayaran balik mereka.

Sebagai contoh, seorang yang telah bersetuju mengikuti, dan membayar sepenuhnya pakej kursus "slimming programme" untuk satu tahun. Malangnya orang ini mendapati dirinya bukan menjadi kurus, tetapi semakin gemuk, selepas empat bulan. Fasal 17 berupaya menyelesaikan

masalah ini dengan saksama. Bayaran balik ini adalah bagi jumlah kelas yang tidak dihadiri, sekiranya pengguna itu mengambil keputusan untuk membatalkan kontrak perkhidmatan tersebut.

Contoh-contoh lain di mana pengguna boleh menuntut di bawah bahagian ini ialah apabila seseorang

pengguna membuat tempahan kereta mewah dan dikenakan deposit sebanyak RM10,000.00 dan dijanjikan oleh syarikat kereta tersebut bahawa kereta akan dibekalkan dalam masa tiga bulan. Selepas tiga bulan, pengguna masih lagi tidak menerima keretanya maka pengguna mengambil keputusan untuk memohon kembali deposit yang dibayarnya sebanyak RM10,000.00.

Akta ini dapat membantu pengguna dalam menuntut kembali deposit yang telah

dibayar. Satu lagi contoh ialah "yearly maintenance services contract" seperti alat hawa dingin atau pagar elektrik telah dibuat oleh pengguna dengan pembekal dan bayaran telahpun dijelaskan. Walau bagaimanapun, dalam masa satu tahun itu penyelenggaraan tidak dijalankan langsung. Akta ini juga dapat m e m b a n t u menyelesaikan masalah ini. □

Fasal 10
melarang seseorang
membuat representasi yang
palsu, seperti memberi
penerangan yang salah
terhadap jenis, standard,
kualiti, keperluan
jaminan dan keadaan
barangan sama ada baru
atau telah dibaikpulih.



Perkhidmatan: Akta Perlindungan Pengguna juga memberi perlindungan kepada perkhidmatan kontrak hadapan.



Pelan Tindakan Kelab Pengguna

(Sambungan dari keluaran Ogos 1999)

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) mesti diadakan setahun sekali pada masa dan tempat yang sesuai untuk semua ahli. Notis lengkap patut dieklarkan kepada semua ahli tiga puluh (30) hari sebelum tarikh mesyuarat.

MAT patut melantik jawatankuasa melalui pengundian bagi jawatan berikut:

- ▶ Pengerusi
- ▶ Naib Pengerusi
- ▶ Setiausaha
- ▶ Penolong Setiausaha
- ▶ Bendahari
- ▶ Wakil Tingkatan
- ▶ Pemeriksa Kira-Kira (bukan AJK)

Jika berlaku kekosongan jawatan, Guru Penasihat berhak melantik pengganti di kalangan ahli biasa dengan persetujuan AJK.

Agenda MAT hendaklah disertai dengan laporan tahunan daripada setiausaha, penyata kira-kira dan perlantikan ahli-ahli jawatankuasa dan lain-lain perkara berbangkit serta satu salinan dihantar ke MHEPN berkenaan.

Mesyuarat Agung tergepar patut diadakan jika perlu oleh jawatankuasa atau dengan permintaan ahli-ahli kelab.

Peranan Jawatankuasa

- Tugas jawatankuasa ialah mengelola dan menguruskan hal ehwal kelab.
- Jawatankuasa bertanggungjawab membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan kelab dengan tidak

terkeluar dari Perlembagaan ini dan dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung.

■ Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurang sekali di dalam satu bulan.

■ Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disingkirkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Kelab.

Tugas-Tugas Ahli Jawatankuasa

Pengerusi: Menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat

Naib Pengerusi: Memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi.

Setiausaha: Menjalankan kerja-kerja Kelab mengikut peraturan dan menjalankan perintah Mesyuarat dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan surat-menyurat, menyimpan semua rekod kelab kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catitan-catitan.

Penolong Setiausaha:

Menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

Bendahari: Bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Kelab. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab atas kesahihannya.

Wakil Tingkatan: Bertanggungjawab berkenaan semua kewajipan ahli Jawatankuasa yang lain dan hal keahlian tingkatan berkenaan.

Bersambung di keluaran Oktober 1999



Oleh:
Sapian b. Dhabal

Puan Jamiah Haji Rashid

Ibu Mithali Pahang '99

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Dengan pendapatan sebanyak RM450.00 sebulan bagi membesarkan, mendidik dan menyekolahkan anak-anak seramai 11 orang dengan ditambah lagi cabaran hidup tanpa suami tersayang bukanlah satu tugas yang mudah dan ringan.

Hanya ketabahan, semangat juang yang cekal, berani menempuh cabaran, kerajinan tanpa mengenal batas usia dan masa serta tidak malu untuk sentiasa berusaha menjadi pegangan hidup.

Dorongan dan nasihat daripada pelbagai pihak serta tawakal kepada Allah telah membawa seorang ibu, Puan Jamiah Haji Rashid memperolehi kejayaan apabila anak-anaknya berjaya dalam pelajaran serta menjadi contoh kepada keluarga lain.

Berkat ketabahan mencari nafkah hidup, berjimat menguruskan perbelanjaan harian, bijak mengaturkan keperluan seharian dan persekolahan, sentiasa ingat akan amanah yang perlu dipikul untuk memberikan didikan yang sempurna kepada anak-anak, hari ini usaha tanpa jemu telah membuahkan hasil. Anak-anaknya telah berjaya dalam pelajaran.

Setakat ini, tiga orang anaknya telah berjaya memasuki universiti tempatan. Beberapa orang lagi akan turut mengikut jejak langkah abang dan kakak yang telah berjaya.

Walaupun hanya bersekolah setakat darjah tiga sahaja, impian ibu tunggal ini untuk melihat kejayaan anak-anak berjaya dalam pendidikan tidak pernah pudar. Beliau bersedih atas pemergian suami tersayang. Bilangan anak yang ramai bukanlah satu

beban tetapi ianya adalah satu anugerah daripada Yang Maha Esa.

Di samping menjalankan tugas-tugas peninggalan arwah suami sebagai peneroka di Felda Mayam, Triang, Pahang, ibu tunggal ini turut juga menjalankan kerja-kerja sampingan seperti mengasuh kanak-kanak dan membuat kraftangan dan beberapa kegiatan lain seperti penternakan burung puyuh dan mengusahakan jualan kuih.


Hasil kesungguhan dan kejayaan ibu tunggal ini dalam membesarkan anak-anak, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang, sempena dengan Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Pahang tahun 1999



Ibu Mithali, Puan Jamiah Haji Rashid menerima anugerah daripada Dato' Kan Tong Leong, EXCO Kerajaan Tempatan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang yang mewakili YAB Menteri Besar Pahang.

telah menganugerahkan Puan Jamiah Haji Rashid, Ibu Mithali Pahang tahun 1999.

Anugerah telah disampaikan oleh Y.B. Dato' Kan Tong Leong, EXCO Kerajaan Tempatan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang di Dewan Majlis Daerah Kuala Lipis dalam majlis yang telah diadakan pada 28 Ogos 1999. Puan Jamiah menerima cek sebanyak RM1,000.00 dan sijil penghargaan. □



Pengguna Tamak Selalu Rugi

Saya telah membaca nasihat oleh Warta Cermat (Ogos 1999) mengenai cara-cara pengguna dapat mengelakkan daripada tertipu oleh peniaga-peniaga (sebenarnya penipu-penipu) yang meminta wang cagaran atau deposit bagi membolehkan seseorang pengguna mendapatkan hasil yang amat lumayan dengan bekerja dari rumah atau kerja sambilan dari rumah.

Sebenarnya, penipuan ini timbul daripada sikap tamak haloba pengguna itu sendiri, yang cepat percaya (atau tertipu) dengan janji manis mengenai pulangan lumayan oleh seseorang yang kita tidak tahu menahu asal usul atau pokok pangkalnya. Perasaan tamak haloba kita sebenarnya telah mengabui mata dan hati kita. Air liur kita meleleh dengan gambaran untuk menjadi kaya dengan cepat tanpa bekerja keras. Pintu hati kita tertutup dengan angan-angan Mat Jenin seperti itu. Sebenarnya penggunalah yang bodoh.

Tapi kita tidak mahu mengaku kebodohan kita. Lantas kita salahkan persatuan pengguna atau kerajaan kerana tidak mengawal

perbuatan seperti ini. Namun kita tidak sedar, bahawa selagi ramai di antara kita yang bodoh, maka selagi itulah perkara ini akan berlaku. Macam dadah, selagi ada orang yang bodoh untuk menghisap dadah maka selagi itulah dadah akan dijual di mana-mana.

Nasihat saya kepada persatuan pengguna dan kerajaan ialah kita jangan cuba membantu kerana mereka ini bodoh tidak dapat diajar. Saya ingin petik kata-kata Dato' A. Kadir Jasin dalam dalam ruangan "Other Thots" (*New Sunday Times*, 22 Ogos 1999) yang berbunyi:-

"As for those Malaysians who continue to fall victims to get-rich-quick schemes, I think we should stop being too concerned about them.

"As the Malay saying goes, Biarkan Si Luncai terjun dengan labu-labunya. In simple language, let these fools jump into the river and be drowned"

Saya amat bersetuju dengan kata-kata tersebut. □

**Pengguna Terpinggir
Seremban**

Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur 4437888	03-4436888/03-
Wilayah Persekutuan K. Lumpur Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4423555 03-4433366

Perlis

Kangar:	04-9761478
Kedah	
Alor Setar:	04-7339062
Sg. Petani:	04-4213400
Langkawi:	04-9660420

Pulau Pinang

P. Pinang:	04-2616168
Seberang Prai:	04-3317500

Perak

Ipoh:	05-2555001
Taiping:	05-8075044
Teluk Intan:	05-6227967

Selangor

Shah Alam:	03-5595544
Kajang:	03-8367444
K. Kubu Baru:	03-8042495

Wilayah Persekutuan

K. Lumpur:	03-4423555
Labuan:	089-417669

N. Sembilan

Seremban:	06-7630911
-----------	------------

Melaka

Melaka:	06-2820422
---------	------------

Johor

Johor Bahru:	07-2234699
Kluang:	07-7736877
Muar:	06-9522709
Mersing:	07-7994211

Pahang

Kuantan:	09-556948
Temerloh:	09-2961688
Raub:	09-3551670

Terengganu

K. Terengganu:	09-6221234
Kemaman:	09-8591919

Kelantan

Kota Bharu:	09-7481117
Kuala Krai:	09-9666368

Sabah

K. Kinabalu:	088-235702
Sandakan:	089-668291
Tawau:	089-776690

Sarawak

Kuching:	082-245202
Sibu:	084-331931
Miri:	085-412862
Bintulu:	086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7318277
Butterworth	04-3327793
Ipoh	05-2547913
Kota Bharu	09-7484599
Kuantan	09-553600
K. Terengganu	09-6237170
Johor Bahru	09-2244710
Melaka	06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-22742100
Kota Kinabalu	088-233571
Kuching	089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna

Bhg. Hal Ehwal Pengguna	03-22742100
Bhg. Perdagangan Dalam Negeri	03-22742100

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7330111
P. Pinang	04-3332081
Ipoh	05-2416900
Kuantan	09-553866
Kota Bharu	09-7482860
Kota Kinabalu	088-233346
Kuching	082-428499
Labuan	087-414100



Belilah Barangan Buatan Malaysia